

17/04/2004

Tiada bukti kukuh KMM bunuh Dr Joe Fernandez

Azmi Md Deros; Mohd Anwar Patho Rohman

KEJADIAN Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lunas, Kedah, Dr Joe Fernandez ditembak dari jarak dekat oleh dua lelaki bermotosikal di persimpangan Jalan Maju-Jalan Harapan, Kulim, yang menyebabkan kematian ahli politik itu pada 4 November, 2000 menggemparkan seluruh negara.

Setelah lebih tiga tahun kes itu berlaku, orang ramai terutama ahli keluarga dan pengundi di kawasan DUN berkenaan masih tertanya-tanya apakah motif pembunuhan itu kerana mangsa dikenali sebagai wakil rakyat yang baik dan amat prihatin dengan masalah penduduk yang diwakilinya.

Selain itu, mangsa adalah seorang doktor perubatan klinik swasta yang amat dikenali dan disenangi di kalangan penduduk sekitar Kulim. Beliau juga dikatakan tidak mempunyai musuh, sama ada dalam arena politik atau pesaing perniagaan yang diceburinya.

Dalam kejadian kira-kira jam 2.30 petang itu, mangsa yang memandu kenderaan pacuan empat roda Nissan Terrano ditembak sekurang-kurangnya tiga kali yang mana dua mengenai kepala, manakala satu das lagi mengenai badannya menyebabkan mangsa mati di tempat kejadian.

Dr Fernandez, 54, dikatakan dalam perjalanan pulang ke rumahnya di Taman Bukit, dekat Bukit Mertajam dari kliniknya di Jalan Kulim dan apabila tiba di persimpangan lampu isyarat berkenaan, tiba-tiba sebuah motosikal yang dinaiki dua lelaki berhenti di sebelahnya sebelum pemboncengnya melepaskan tiga das tembakan dipercayai menggunakan revolver sebelum bergegas meninggalkan tempat kejadian.

Penembaknya dipercayai sudah mengekori kenderaan Dr Fernandez sejak awal lagi dan mereka hanya menunggu masa yang sesuai, iaitu ketika wakil rakyat berkenaan terperangkap dalam kesesakan lalu lintas untuk menembak mangsa. Tindakan mereka menggunakan motosikal juga menyebabkan penjenayah berkenaan mudah melarikan diri dalam kesesakan lalu lintas itu.

Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (kini Tun) yang diminta mengulas mengenai pembunuhan itu menyifatkan kes berkenaan sesuatu yang luar biasa kerana kejadian menembak wakil rakyat bukanlah satu amalan atau pernah berlaku di negara ini.

Selepas 10 hari kes pembunuhan itu, polis menahan dua lelaki berusia 27 dan 35 tahun di Pengkalan Hulu, Perak bagi membantu siasatan. Bagaimanapun mereka dibebaskan beberapa hari selepas itu kerana polis tidak mempunyai bukti menunjukkan mereka terbabit dalam kejadian itu.

Polis juga dilaporkan ingin mencari seorang wanita berketurunan India berusia 30-an yang dipercayai dapat membantu siasatan. Wanita itu dipercayai orang terakhir berjumpa dengan Dr Fernandez sebelum mangsa ditembak mati. Bagaimanapun, usaha mengesan wanita itu dan identitinya masih menemui jalan buntu.

Polis juga menghadapi masalah mendapatkan petunjuk yang lebih jelas berhubung kejadian itu apabila tidak ramai saksi di tempat kejadian yang tampil memberikan maklumat berhubung kejadian berkenaan.

Berikutan misteri pembunuhan Dr Fernandez yang belum terjawab itu, bermacam-macam teori diutarakan pelbagai pihak untuk menjawab teka-teki siapa dan apakah motif sebenar pembunuhan kejam ala mafia itu.

Ada yang mengaitkan mendiang yang juga Timbalan Pengerusi Perhubungan MIC Kedah dicemburui oleh rakan seperjuangan dalam parti politik di negeri itu sebagai punca pembunuhan berkenaan. Menurut mereka, ini kerana Dr Fernandez mempunyai potensi yang cerah untuk meningkat naik dalam arena politik. Bagaimanapun teori itu kurang popular dan beliau dilihat tidak

mengancam sesiapa dalam politik MIC Kedah.

Selain itu, ada yang mengatakan persaingan dalam perniagaan menjadi motif pembunuhan berkenaan menyebabkan orang yang iri hati dengan mendiang membayar pembunuh upahan bagi melumpuhkan empayar perniagaannya. Teori itu mungkin ada kebenarannya kerana mendiang mempunyai rangkaian Klinik Joe yang banyak di merata tempat di Kedah dan Pulau Pinang.

Bagaimanapun, maklumat risikan polis membayangkan pembunuhan mendiang dilakukan anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM) yang ingin menubuhkan kerajaan Islam melalui cara kekerasan.

Polis juga sebelum ini ingin mencari seorang anggota KMM, iaitu Zulkifli @ Musa Abdul Hir, 38, yang dipercayai dapat membantu membongkar kes pembunuhan Dr Fernandez. Zulkifli yang juga bekas jurutera kanan sebuah syarikat telekomunikasi adalah abang ipar kepada bekas penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM), Taufik Abdul Halim yang ditahan di Indonesia kerana terbabit dalam siri pengeboman di Jakarta pada 2001.

Zulkifli juga dikehendaki kerana dipercayai terbabit dalam serangan terhadap Balai Polis Guar Chempedak, Kedah pada 4 Februari 2001.

Bagaimanapun, sehingga kini Zulkifli yang dipercayai menyembunyikan diri di Indonesia masih belum dapat ditemui.

Teori pembabitan KMM dalam pembunuhan itu sehingga kini masih kabur dan setakat ini belum ada anggota KMM yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), didakwa dalam pembunuhan Dr Fernandez.

Ini disebabkan walaupun polis mengesyaki kes itu dilakukan KMM, bukti kukuh yang mengaitkan mereka dengan jenayah itu masih belum diperoleh.

Jika KMM dikaitkan dengan pembunuhan itu, apakah puncanya yang menyebabkan Dr Fernandez menjadi mangsa?

Satu lagi teori yang ditimbulkan ialah Dr Fernandez menjadi mangsa rompakan. Bagaimanapun teori itu terlalu longgar kerana tiada barangan berharga miliknya dilarikan penjenayah berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Musa Hassan ketika dihubungi berkata, kes itu masih belum ditutup dan siasatan masih dijalankan, namun tiada penahanan baru dibuat setakat ini.